



MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Jalilmas di Kuala Lumpur, hari ini.  
- Foto Azhar Ramli

## Kementerian Wilayah Persekutuan terima permohonan bina 29,000 unit rumah mampu milik

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar  
ctfa@bh.com

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Wilayah Persekutuan menerima permohonan baharu bagi pembinaan 29,000 unit rumah mampu milik tahun ini.

Menterinya, Khalid Abdul Samad, berkata permohonan bagi kebenaran merancang itu membabitkan kawasan sekitar Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya dan Labuan, namun sebahagian besarnya adalah sekitar Kuala Lumpur.

“Pada tahun lalu, sebanyak 6,000 permohonan kebenaran merancang rumah mampu milik diluluskan dan pihaknya mensasarkan 8,000 hingga 10,000 permohonan akan diluluskan tahun ini.

“Ketika ini ada 29,000 permohonan baharu diterima dengan membabitkan kira-kira 40 projek perumahan masih menunggu kelulusan kerana banyak perkara kita perlu halus.

“Ini termasuk lokasi kerana ada antara projek dijalankan di tanah persendirian, selain perlu memastikan sama ada kedudukannya sesuai dengan mengambil kira faktor kepadatan penduduk,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Residensi Jalilmas di sini, hari ini.

Dalam majlis itu, seramai 1,050 pemilik Residensi Jalilmas menerima kunci unit masing-masing 12 bulan lebih awal kerana projek berkenaan siap lebih awal dari jangkaan.

Residensi Jalilmas yang dibangunkan pemaju Aset Kayamas Sdn Bhd, terdiri daripada dua blok dan setiap unit berkeluasan 800 kaki persegi dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi, dijual pada harga RM198,000 seunit.

Mengulas lanjut, Khalid berkata kerajaan akan sentiasa melakukan penambahbaikan positif dalam memastikan kediaman mampu milik yang ditawarkan memenuhi keperluan semasa rakyat.

Beliau berkata, projek rumah mampu milik Residensi Wilayah atau dulunya dikenali sebagai Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), adalah sebahagian daripada usaha kerajaan mencapai sasaran pembinaan sejuta unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun di negara ini.

“Sehingga kini, masih banyak unit rumah Residensi Wilayah yang dibuka untuk jualan dan projek ini boleh dipohon menerusi portal rasmi Residensi Wilayah.

“Kita yakin unit rumah ini akan dibina lebih berkualiti berbanding sebelum ini di mana syarat minimum keluasan juga dinaikkan kepada 900 kaki persegi berbanding 800 kaki persegi,” katanya.